A **IHSAN ABDULLAH**

**lwn.**

**PP**

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: MT4-42S(A)-5-2009]
18 JUN 2010

C ***KETERANGAN:*** *Dengar cakap - Dokumen - Pengaduan dan pernyataan saksi utama - Kes rasuah - Sama ada pengaduan dan pernyataan saksi utama pihak pendakwaan yang gagal hadir ke mahkamah boleh diterima sebagai keterangan - Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 46*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Tuduhan - Tuduhan tambahan - Pertuduhan baru dikemukakan di pertengahan kes - Pertuduhan baru di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 - Kegagalan mahkamah mempertimbangkan kesan prejudisnya atas perayu - Pembelaan tidak diberikan kebebasan memanggil semula saksi-saksi pendakwaan - Sama ada pembelaan terjejas - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 158, 162*

E ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Pencegahan Rasuah 1997 - Seksyen 11(a) - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Inspektor polis secara rasuah memperoleh suapan wang tunai untuk membebaskan orang kena tangkap - Sama ada aduan dan pernyataan saksi utama pihak pendakwaan yang gagal hadir ke mahkamah boleh diterima - Kegagalan hakim bicara*
F *menyatakan keterangan mengikut keadaan yang ditimbangkan - Sama ada keputusan hakim bicara membebaskan tertuduh atas pertuduhan s. 10(a)(bb) tetapi mensabitkan tertuduh atas pertuduhan s. 11(a) selaras - Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah - Sama ada tertuduh berjaya mematahkan anggapan s. 42*

G ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Pencegahan Rasuah 1997 - Seksyen 36 - Perlucuthakkan harta atas sabitan bagi kesalahan - Rayuan - Sabitan di bawah s. 11(a) Akta - Sama ada wang tunai yang bukan wang perangkap dan bukan hal perkara pertuduhan boleh dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia*

H ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Pencegahan Rasuah 1997 - Seksyen 46 - Sama ada aduan dan pernyataan saksi utama pihak pendakwaan yang gagal hadir ke mahkamah boleh diterima - Prasyarat kebolehterimaan pernyataan*

I Perayu ('tertuduh') telah, pada asalnya, dituduh ('pertuduhan pertama') di bawah s. 10(a)(bb) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('Akta') atas kesalahan secara rasuah meminta suapan sebanyak RM15,000 daripada Chang Siok Fang ('Chang') sebagai dorongan untuknya, sebagai Inspektor Polis, membebaskan teman lelaki Chang bernama Lai Chee

Seng ('Lai') yang didakwa melakukan kesalahan mengedar dadah. Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan pertama tersebut. Setelah seramai sembilan orang saksi pihak pendakwaan selesai memberikan keterangan, pihak pendakwaan mengemukakan satu lagi pertuduhan yang baru ('pertuduhan kedua') di bawah s. 11(a) Akta bahawa perayu telah secara rasuah, memperoleh untuk dirinya suapan wang tunai RM2,500 daripada Chang melalui orang tengah iaitu Kuang Boon Lan ('Kuang') untuk membebaskan Lai. Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan kedua tersebut. Di akhir kes pihak pendakwaan, tertuduh dibebaskan dan dilepaskan atas pertuduhan pertama tetapi telah dipanggil untuk membela diri bagi pertuduhan kedua. Di akhir perbicaraan, tertuduh telah didapati bersalah atas pertuduhan kedua tersebut. Hakim bicara turut memerintahkan wang sejumlah RM23,100 yang ditemui bersama-sama tertuduh ketika tangkapan dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia. Dua saksi utama pihak pendakwaan iaitu Chang dan Kuang gagal hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan. Hakim bicara, walau bagaimanapun telah, berdasarkan kepada peruntukkan s. 46 Akta, menerima pengaduan Chang ('P4') dan pernyataannya ('P37') sebagai sebahagian keterangan kes pihak pendakwaan. Kenyataan yang diberikan oleh Kuang juga ('P36') turut diterima sebagai keterangan. Tertuduh telah merayu terhadap sabitan dan hukuman. Perayu telah berhujah bahawa hakim bicara telah terkhilaf dalam: (i) mengasaskan keputusan beliau berdasarkan keterangan yang tidak boleh diterima masuk atau keterangan dengar cakap; (ii) membenarkan pihak pendakwaan mengemukakan pertuduhan kedua di pertengahan kes mereka tanpa mempertimbangkan kesan prejudisnya ke atas perayu; (iii) tidak memberikan kebebasan kepada pihak pembelaan untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan setelah pertuduhan kedua tersebut dikemukakan; (iv) gagal mempertimbangkan pembelaan perayu dengan secukupnya; dan (v) melucuthakkan wang berjumlah RM23,100 kepada Kerajaan Malaysia.

**Diputuskan (membenarkan rayuan perayu dan mengetepikan sabitan dan hukuman):**

**(1)** P4 adalah tidak lebih daripada merupakan satu maklumat pertama. Pengaduan tersebut bukanlah satu pernyataan yang dibuat semasa penyiasatan dijalankan seperti kehendak s. 46(a) Akta. Untuk menerima pengaduan P4 sebagai keterangan, pembuat dokumen itu iaitu Chang hendaklah dipanggil untuk mengemukakan P4 tersebut dan disoal-balas bagi menentukan kebenaran pengaduan yang beliau buat. Hakim bicara telah khilaf dalam menerima P4 sebagai keterangan dan bersandar kepada P4 untuk mensabitkan perayu. (perenggan 28)

**(2)** Dua aspek penting mengenai pemakaian s. 46 iaitu aspek berkaitan dengan kebolehterimaan pernyataan tersebut dan keduanya, aspek keberatan keterangan pernyataan tersebut. Sebelum pernyataan tersebut boleh diterima di bawah s. 46 Akta tersebut, prasyarat bagi kebolehterimaan hendaklah dibuktikan dengan ketat terutamanya mengenai usaha-usaha yang telah diambil bagi mengesan saksi-saksi tersebut. Prasyarat kepada s. 46 Akta yang menuntut pembuktian ketat atas sebab-sebab saksi tersebut gagal untuk hadir memberi keterangan di mahkamah gagal dipenuhi oleh pihak pendakwaan. (perenggan 29)

**(3)** Hakim bicara telah tersalah arah mengenai beban pembuktian atas pihak pendakwaan sebelum menerima masuk P4, P36 dan P37 di bawah s. 46 Akta. Maka, adalah wajar keputusan hakim bicara tersebut diketepikan. Kesan prejudis pernyataan tersebut mengatasi nilai kemungkinannya atas alasan perayu tidak berpeluang untuk menyoal-balas dua saksi utama tersebut dan bahawa tidak dapat dipastikan kebenaran pernyataan-pernyataan tersebut. (perenggan 35)

**(4)** Hakim bicara telah menyatakan bahawa keputusan beliau untuk mensabitkan perayu hanya bersandar seratus peratus kepada P4, P36 dan P37 tersebut serta keterangan mengikut keadaan. Tetapi hakim bicara tidak menyatakan apakah keterangan mengikut keadaan tersebut yang beliau pertimbangkan yang menjurus kepada kebersalahan perayu. Hakim bicara juga bersandar kepada transkripsi perbualan telefon antara Kuang dengan perayu (P24) yang mana P24 tidak wajar diterima masuk atas alasan Kuang gagal dipanggil untuk mengesahkan suara beliau dalam perbualan tersebut. (perenggan 38)

**(5)** Pertuduhan kedua telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan selepas sembilan orang saksi memberikan keterangan dan ini tentu sekali memprejudiskan tertuduh. Pembelaan tertuduh telah terjejas dengan teruk apabila pertuduhan kedua dikemukakan. (perenggan 42)

**(6)** Seksyen 158 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') tidak memberikan kuasa mutlak kepada pihak pendakwaan untuk meminda atau menambah pertuduhan tanpa kebenaran daripada mahkamah. Mahkamah dalam menimbangkan permohonan tersebut hendaklah yang paling utama menimbangkan faktor prejudis kepada tertuduh. Hakim bicara langsung tidak menyatakan pertimbangan beliau terhadap faktor prejudis kepada tertuduh sebelum membenarkan pertuduhan kedua dimasukkan terhadap tertuduh; *PP v. Francis Dong Nuya* (dirujuk). (perenggan 44)

**(7)** Untuk mengelakkan prejudis tersebut, hakim bicara sewajarnya menggunapakai s. 162 KAJ untuk memberikan peluang kepada tertuduh untuk memanggil semula mana-mana saksi pendakwaan serta dengan mengingatkan dirinya mengenai prejudis yang akan berlaku ke atas tertuduh. Ini telah gagal dilakukan oleh hakim bicara. Kehendak di bawah s. 162 KAJ hendaklah dipatuhi secara mandatori; *Hj Maamor Hj Abdul Manap v. PP* (dirujuk). (perenggan 45)

**(8)** Hakim bicara telah mensabitkan tertuduh berdasarkan fakta dan keterangan yang sama yang menjadi asas pertuduhan pertama. Walau bagaimanapun, hakim bicara telah membebaskan tertuduh atas pertuduhan pertama tersebut. Fakta dan keterangan berkaitan kedua-dua pertuduhan saling kait mengait antara satu sama lain. Hakim bicara telah menolak keterangan P4, P36 dan P37 berkaitan pertuduhan pertama tetapi telah menggunakan P4, P36 dan P37 untuk mensabitkan tertuduh bagi pertuduhan kedua. Keputusan hakim bicara dalam mensabitkan tertuduh atas pertuduhan kedua adalah tidak selaras. (perenggan 49)

**(9)** Pembelaan perayu tidak disangkal oleh keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Pembelaan tertuduh adalah munasabah dan boleh dipercayai. Pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan dan tertuduh berhak untuk mendapatkan pembebasan atas tuduhan kedua tersebut. Tertuduh juga telah berjaya mematahkan anggapan di bawah s. 42 Akta atas imbangan kebarangkalian. (perenggan 52)

**(10)** Keputusan hakim bicara dalam memerintahkan wang tunai RM23,100 yang ditemui dalam kereta tertuduh dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia wajar diketepikan kerana tidak selaras dengan s. 36 Akta. Wang tunai tersebut bukanlah wang perangkap dan bukan juga hal perkara bagi pertuduhan kedua terhadap tertuduh. (perenggan 54)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC* ***(dirujuk)***

*Attan Abdul Ghani v. PP [1970] 2 MLJ 145* ***(dirujuk)***

*Chiew Poh Kiong v. PP [2001] 7 CLJ 249 HC* ***(dirujuk)***

*DA Duncan v. PP [1980] 2 MLJ 195* ***(dirujuk)***

*Hamidon Mat Yatim v. PP [1995] 3 CLJ 724 HC* ***(dirujuk)***

*Hee Nyuk Fook v. PP [1988] 1 LNS 15 SC* ***(dirujuk)***

*Hj Maamor Hj Abdul Manap v. PP [2003] 1 CLJ 370 HC* ***(dirujuk)***

*Khoo Cheng Huat v. PP [1990] 2 CLJ 790; [1990] 2 CLJ (Rep) 236 HC* ***(dirujuk)***

*Mohamed Taufik v. PP [1974] 1 LNS 95 HC* ***(dirujuk)***
*Mohd Ali Jaafar v. PP [1998] 4 CLJ Supp 208 HC* ***(dirujuk)***
*Ng Yiu Kwok & Ors v. PP [1989] 1 LNS 52 SC* ***(dirujuk)***
*Packiam & Anor v. PP [1971] 1 LNS 102 HC* ***(dirujuk)***
*Pendakwa Raya v. A Rashid Ismail [2001] 1 AMR 1149* ***(dirujuk)***
*PP v. Azman Ismail & Another Case [2007] 10 CLJ 469 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Dato Harun Idris (No 2) [1997] 1 MLJ 15* ***(dirujuk)***
*PP v. Datuk Tan Cheng Swee & Anor [1980] 1 LNS 58 FC* ***(dirujuk)***
*PP v. James Tan [1983] 1 LNS 24 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Jamil Mahmod & Anor [1998] 1 LNS 312 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon [1998] 4 CLJ 278 CA* ***(dirujuk)***
*PP v. Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2000] 3 CLJ 162 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Mohd Jamil Yahya & Anor [1994] 1 CLJ 200 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Francis Dang Nuya [1988] 2 CLJ 130; [1988] 2 CLJ (Rep) 625 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC* ***(dirujuk)***
*S Govindasamy v. PP [1948] 1 LNS 60 HC* ***(dirujuk)***
*Sam Hong Choy v. PP [2000] 1 CLJ 105 CA* ***(dirujuk)***
*Sim Tiew Bee v. PP [1973] 1 LNS 138 FC* ***(dirujuk)***
*Tai Chai Keh v. PP [1948] 1 LNS 122 CA* ***(dirujuk)***
*Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***
*Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Anti-Corruption Act 1997, ss. 36, 42, 46
Criminal Procedure Code, ss. 158, 159, 160, 161, 162, 422
Evidence Act 1950, ss. 32, 114(g)

*Bagi pihak perayu - Sauffee Afandi Mohamad (Sukhaimi Mashud bersamanya); T/n Teh Poh Teik & Co*
*Bagi pihak responden - Mohd Zaki Mohd Salleh; TPR*

*Dilaporkan oleh Amutha Suppayah*

## PENGHAKIMAN

**Kamardin Hashim PK:**

**[1]** Perayu, Ihsan bin Abdullah (selepas ini dipanggil sebagai "tertuduh") telah pada asalnya dihadapkan dengan satu pertuduhan (pertuduhan pertama) di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru. Pertuduhan pertama tersebut berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 16 Mac 2005, lebih kurang 5.00 petang, di Pejabat Narkotik, Balai Polis Skudai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, telah secara rasuah meminta suatu suapan, iaitu wang sebanyak RM15,000.00 daripada Chang Siok Fang sebagai dorongan untuk kamu sebagai penjawat awam, iaitu, Inspektor Polis,

di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara melakukan suatu perkara yang dengannya badan awam itu terlibat, iaitu untuk membebaskan teman lelaki Chang Siok Fang bernama Lai Chee Seng yang dikatakan melakukan kesalahan mengedar dadah, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 10(a)(bb) Akta Pencegahan Rasuah 1997, dan boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

**[2]** Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan pertama tersebut dan minta dibicarakan.

**[3]** Setelah seramai sembilan orang saksi pihak pendakwaan selesai memberikan keterangan, pihak pendakwaan telah mengemukakan satu lagi pertuduhan yang baru (pertuduhan kedua) yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa kamu, pada 2 April, jam lebih kurang 10.00 malam, di hadapan pintu Skudai Parade, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia, iaitu, Inspektor Polis Di Raja Malaysia telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu suatu suapan, iaitu wang tunai RM2,500.00 daripada Chang Siok Fang, kad pengenalan no. 740118-01-5721 melalui orang tengah iaitu Kuang Boon Lan, kad pengenalan no. 770102-05-5194 sebagai suatu dorongan bagi melakukan perbuatan yang berhubungan dengan hal ehwal principal kamu, iaitu, untuk membebaskan teman lelaki Chang Siok Fang bernama Lai Chee Seng yang disyaki melakukan kesalahan mengedar dadah, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

**[4]** Tertuduh juga mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan kedua tersebut dan minta beliau dibicarakan.

**[5]** Di akhir kes pihak pendakwaan, tertuduh telah di bebas dan di lepaskan atas pertuduhan asal (pertuduhan pertama) tanpa dipanggil untuk membela diri. Bagaimanapun, hakim bicara telah memanggil tertuduh untuk membela diri atas pertuduhan kedua.

**[6]** Di akhir perbicaraan kes ini, tertuduh telah didapati bersalah atas pertuduhan kedua tersebut dan atas sabitan, tertuduh dikenakan hukuman 24 bulan penjara dari tarikh sabitan dan di denda RM12,500 sekiranya ingkar enam bulan penjara sebagai tambahan. Hakim bicara turut memerintahkan wang sejumlah RM23,100 yang ditemui bersama tertuduh pada waktu tangkapan dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia.

**[7]** Tertuduh telah tidak berpuas hati terhadap keseluruhan keputusan hakim bicara terhadap sabitan dan hukuman bagi pertuduhan kedua tersebut serta perintah perlucuthakkan wang tunai RM23,100 tersebut, sekarang merayu ke mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan hakim bicara tersebut.

A **Kes Pendakwaan**

**[8]** Seramai 15 orang saksi telah dipanggil untuk membentangkan kes pihak pendakwaan. Secara ringkasnya, kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Tertuduh adalah merupakan seorang Inspektor Polis Di Raja Malaysia yang bertugas sebagai Pegawai Penyiasat Narkotik di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara. Pada 2 April 2005 lebih kurang jam 3 petang, saksi Mohd Zairi ('SP3') yang sedang bertugas di Pejabat Badan Pencegah Rasuah, Johor Bahru telah didatangi oleh seorang perempuan berbangsa Cina bernama Chang Siok Fang (pengadu). Pengadu membuat aduan bahawa seorang pegawai polis bernama 'Tuan Ijam' telah pada 16 Mac 2005 meminta wang rasuah sebanyak RM15,000 untuk melepaskan teman lelaki pengadu yang bernama Lai Chee Seng daripada tuduhan mengedar dadah. Pengadu juga menyatakan bahawa pada 1 April 2005 iaitu sehari sebelum beliau datang membuat aduan, pengadu telah menghubungi 'Tuan Ijam' dan telah dapat mengurangkan jumlah wang yang diminta kepada RM2,500. Aduan oleh pengadu tersebut telah dikemukakan sebagai eks. P4.

**[9]** Setelah menerima aduan P4, SP3 telah memaklumkan kepada pegawai atasannya yang bernama Azmi Mohamad. Azmi Mohamad telah mengarahkan supaya satu taklimat perangkap dibuat. Dalam taklimat yang telah diadakan, sasaran dikenalpasti sebagai Ihsan (tertuduh) dari Cawangan Narkotik, Balai Polis Skudai dan wang perangkap yang akan digunakan berjumlah RM2,500. Tempat perangkap akan diadakan adalah di Hotel Goodhope. Perangkap tersebut diketuai oleh pegawai BPR, Syukri Mohd Salleh ("SP4") bersama-sama dengan beberapa pegawai BPR yang lain termasuklah Rajeswaran ("SP5"), Ridzuan Abd Malik ("SP6"), Jason Midot ("SP8") dan Shahmin Hashim ("SP12"), selain daripada pengadu sendiri turut serta bersama dalam pasukan perangkap tersebut.

**[10]** Setelah selesai taklimat, pasukan perangkap telah pergi ke Hotel Goodhope. Disana, pengadu telah menerima panggilan telefon daripada kakak iparnya yang bernama Kuang Boon Lan yang meminta pengadu menyerahkan wang RM2,500 tersebut kepadanya atas arahan daripada tertuduh. Penama Kuang Boon Lan telah meminta pengadu untuk berjumpa di Pusat Bowling Daiman Bowl di Taman Johor Jaya bagi maksud penyerahan wang tersebut. Perbualan telefon antara pengadu dengan Kuang Boon Lan telah dirakamkan dan transkrip perbualan tersebut seperti di eks. P20 dan P23.

**[11]** Pasukan perangkap dan pengadu kemudian terus bergerak ke Pusat Bowling Daiman Bowl di Taman Johor Jaya dan tiba di sana jam lebih kurang 7 petang. Tidak lama kemudian datang sebuah kereta JGH 1824 yang dinaiki oleh seorang perempuan bangsa Cina bersama seorang lelaki berbangsa Cina. Pengadu mengenali perempuan tersebut sebagai kakak

iparnya yang bernama Kuang Boon Lan dan lelaki Cina bersamanya sebagai Lee Kian Hian. Kuang Boon Lan telah bersedia untuk bekerjasama dengan pihak BPR dalam menyerahkan wang perangkap kepada tertuduh. Kuang Boon Lan telah memaklumkan kepada SP4 bahawa tertuduh akan berjumpa dengan beliau di Skudai Parade.

**[12]** Pasukan perangkap bersama pengadu dan Kuang Boon Lan serta Lee Kian Hian terus bergerak ke Skudai Parade. Mereka berhenti di sebuah stesen minyak berhampiran Skudai Parade. Disana, SP4 telah menyerahkan wang bertanda berjumlah RM2,500 kepada Kuang Boon Lan untuk diserahkan kepada tertuduh. Pegawai BPR telah mengambil tempat masing-masing bagi melaksanakan serbuan keatas perayu diluar Skudai Parade. Kuang Boon Lan kemudiannya telah menghubungi tertuduh melalui telefon. Perbualan telefon tersebut telah dirakamkan dan transkripnya seperti eks. P24. Tertuduh kemudian telah datang menaiki sebuah kereta ke Skudai Parade dan Kuang Boon Lan dilihat menemui tertuduh dan menyerahkan sesuatu kepada tertuduh. Tertuduh telah diserbu dan dalam pemeriksaan keatas kereta tertuduh, pegawai BPR telah menemui antara lainnya, wang RM2,500 yang mempunyai nombor siri yang sama dengan senarai wang bertanda ('P5'). Tertuduh terus ditangkap. Turut dirampas daripada tertuduh adalah sepucuk pistol dan wang tunai RM23,100 yang ditemui dalam beg hitam jenama LS Dior yang terdapat di bawah tempat duduk pemandu dalam kereta tertuduh.

**Pembelaan Perayu/Tertuduh**

**[13]** Dalam keterangan membela dirinya secara bersumpah terhadap pertuduhan kedua, tertuduh secara ringkasnya menyatakan seperti berikut. Kuang Boon Lan adalah merupakan kawan dan sumber (*informer*) kepada beliau. Beliau mengenali Kuang Boon Lan pada tahun 2004 apabila suami Kuang Boon Lan ditangkap oleh pihak polis. Beliau telah meminjamkan wang kepada Kuang Boon Lan oleh kerana penama itu menghadapi masalah kewangan. Pada hari kejadian iaitu pada 2 April 2005 jam lebih kurang 8 malam beliau telah menerima panggilan telefon daripada Kuang Boon Lan yang menyatakan dia mahu berjumpa dengan beliau untuk menjelaskan hutangnya. Mereka telah bersetuju untuk berjumpa di Skudai Parade. Sebaik berjumpa dengan Kuang Boon Lan di Skudai Parade, Kuang Boon Lan terus menyerahkan sejumlah wang kepada beliau. Kuang Boon Lan memberitahu beliau bahawa wang itu untuk membayar hutang lama. Pada mulanya beliau menolak wang tersebut dengan menyatakan jikalau Kuang Boon Lan tidak mempunyai wang tidak perlu bayar hutangnya sekarang tetapi wang tersebut terus dimasukkan ke dalam poket seluar beliau oleh Kuang Boon Lan. Beliau kemudian beredar dari situ tetapi terus ditahan oleh pegawai BPR. Tertuduh menyatakan bahawa beliau menerima wang tersebut atas

kepercayaan wang itu adalah untuk membayar hutang dan ianya tiada sebarang kaitan untuk menarik balik pertuduhan terhadap Lim Chee Seng.

**Hujahan Peguambela Perayu/Tertuduh**

**[14]** Peguambela perayu/tertuduh telah mengemukakan sebanyak lima alasan untuk mahkamah ini membenarkan rayuan tertuduh disini. Alasan-alasan rayuan tersebut adalah seperti berikut:

(a) Hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mengasaskan keputusan beliau atas keterangan-keterangan yang tidak boleh diterima masuk dan/atau keterangan-keterangan dengar cakap;

(b) Hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila membenarkan pihak pendakwaan mengemukakan pertuduhan kedua di pertengahan kes mereka tanpa mempertimbangkan kesan prejudisnya keatas perayu;

(c) Hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila tidak memberikan kebebasan kepada pihak pembelaan untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan setelah pertuduhan kedua tersebut di kemukakan;

(d) Hakim bicara terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mempertimbangkan dengan secukupnya pembelaan perayu; dan

(e) Hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila melucuthakkan wang berjumlah RM23,100 kepada Kerajaan Malaysia.

**[15]** Peguambela tertuduh berhujah bahawa hakim bicara telah bergantung kepada keterangan dengar cakap dalam mensabitkan pertuduhan kedua keatas tertuduh. Dua saksi utama pihak pendakwaan iaitu Chang Siok Fang dan Kuang Boon Lan gagal hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan. Hakim bicara bagaimanapun telah menerima pengaduan oleh pengadu, Chang Siok Fang iaitu P4 dan pernyataan oleh pengadu ('P37') sebagai sebahagian keterangan kes pihak pendakwaan. Begitu juga kenyataan yang diberikan oleh Kuang Boon Lan ('P36') turut diterima sebagai keterangan. Penerimaan aduan dan kenyataan dua saksi utama tersebut telah dibuat berdasarkan kepada peruntukan di bawah s. 46 Akta, namun hakim bicara telah gagal mempertimbangkan alasan-alasan yang cukup bagi kegagalan dua orang saksi utama tersebut dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah. Peguambela berhujah bahawa P4, P36 dan P37 adalah merupakan keterangan-keterangan dengar cakap oleh kerana pembuat gagal dipanggil ke mahkamah untuk disoal-balas. Penerimaan P4, P36

dan P37 sebagai sebahagian keterangan kes pihak pendakwaan telah dibuat tanpa memenuhi kehendak s. 46 Akta. Peguambela menambah bahawa kenyataan-kenyataan daripada saksi-saksi yang gagal disoal-balas tersebut amat memprejudiskan tertuduh dan ianya adalah melebihi nilai kemungkinan kebenarannya.

**[16]** Mengenai isu pertuduhan kedua lewat dikemukakan, peguambela terpelajar berhujah bahawa ianya amat memprejudiskan tertuduh. Pihak pendakwaan hanya mengemukakan pertuduhan kedua selepas sembilan orang saksi pihak pendakwaan selesai memberikan keterangan. Pihak pendakwaan gagal memberikan sebarang alasan mengapakah berlaku kelewatan tersebut dan ianya merupakan satu pemikiran terkemudian. Selain dari itu, hakim bicara juga gagal mematuhi kehendak s. 162 Kanun Acara Jenayah apabila gagal memberikan kebebasan kepada pihak pembelaan untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan.

**[17]** Turut dihujahkan oleh peguambela adalah berkaitan kegagalan hakim bicara untuk memberikan pertimbangan sewajarnya kepada keterangan membela diri oleh tertuduh. Tertuduh telah memberikan penjelasan mengenai wang RM2,500 yang ditemui pada beliau. Tertuduh telah menyatakan bahawa Kuang Boon Lan telah memberitahu kepada beliau bahawa wang itu untuk membayar hutangnya kepada beliau. Walaupun beliau menolak tetapi Kuang Boon Lan telah masukkan wang itu kedalam poket seluar beliau. Pembelaan tertuduh adalah munasabah dan wajar diterima. Pembelaan tertuduh mengenai pembayaran hutang telah pun dicadangkan semasa kes pendakwaan. Persoalaan sama ada Kuang Boon Lan menyatakan kepada tertuduh bahawa wang itu membayar hutang hanya berada dalam fikiran Kuang Boon Lan sendiri yang mana saksi itu gagal dipanggil untuk memberi keterangan. Peguambela berhujah bahawa anggapan di bawah s. 42 Akta telah berjaya dipatahkan oleh pihak pembelaan di atas imbangan kebarangkalian.

**[18]** Isu terakhir dihujahkan oleh peguambela berkaitan perintah hakim bicara melucuthakkan wang tunai RM23,100 milik tertuduh. Wang tunai tersebut dirampas daripada tertuduh semasa tangkapan dibuat. Dihujahkan bahawa perintah perlucutan oleh hakim bicara tidak selaras dengan peruntukan s. 36 Akta yang memperuntukkan hanya hartabenda yang menjadi hal perkara dalam kesalahan yang dilakukan layak dilucuthakkan. Wang RM23,100 tersebut langsung tiada kaitan dengan pertuduhan kedua terhadap tertuduh.

**[19]** Bagi menyokong hujahannya, peguambela tertuduh telah merujuk kepada keputusan dalam kes-kes berikut:

(a) *Sim Tiew Bee v. PP* [1973] 1 LNS 138;

(b) *Packiam & Anor v. PP* [1971] 1 LNS 102;

A (c) *Mohd Ali Jaafar v. PP* [1998] 4 CLJ Supp 208;

(d) *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19;

(e) *PP v. Mohd Jamil Yahya & Anor* [1994] 1 CLJ 200;

B

(f) *PP v. Azman Ismail & Another Case* [2007] 10 CLJ 469;

(g) *Khoo Cheng Huat v. PP* [1990] 2 CLJ 790; [1990] 2 CLJ (Rep) 236;

C (h) *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1; dan

(i) *Tai Chai Keh v. PP* [1948] 1 LNS 122.

**Hujahan Responden**

D **[20]** Tuan TPR terpelajar berhujah bahawa tiga intipati utama pertuduhan kedua telah berjaya dibuktikan terhadap tertuduh. Tiga intipati pertuduhan kedua tersebut adalah:

(a) Perayu/tertuduh adalah seorang ejen Kerajaan Malaysia semasa suapan diterima;

E

(b) Perayu/tertuduh telah memperolehi suatu suapan berupa wang tunai RM2,500 pada 2 April 2005 dari Kuang Boon Lan; dan

(c) Anggapan di bawah s. 42 Akta terpakai iaitu bahawa suapan itu diterima secara rasuah, sehingga dibuktikan sebaliknya.

F

**[21]** Mengenai petisyen rayuan perayu/tertuduh, Tuan TPR berhujah seperti berikut:

(a) Pertuduhan kedua telah dikemukakan dengan kebenaran mahkamah. Pertuduhan kedua itu telah dibacakan kepada tertuduh dan tertuduh telah faham dan minta bicara. Dihujahkan s. 158 Kanun Acara Jenayah telah pun dipatuhi;

G

(b) Hakim bicara telah membuat pertimbangan dengan betul apabila menerima masuk keterangan P4, P36 dan P37 seperti dalam alasan penghakiman hakim bicara tersebut. Keterangan-keterangan berkaitan pengesanan dua saksi utama tersebut telah dikemukakan dan diterima oleh mahkamah. Keputusan hakim bicara selaras dengan s. 46 Akta;

H

(c) Pita rakaman dan transkripsi telah diterima sebagai keterangan sokongan;

I

(d) Keterangan SP4 disokong oleh keterangan SP5 dan SP6 mengenai fakta penyerahan wang perangkap oleh Kuang Boon Lan kepada tertuduh. Wang perangkap kemudiannya ditemui di dalam kereta tertuduh; dan

(e) Pembelaan tertuduh mengenai pembayaran hutang tidak pernah dibangkitkan semasa kes pihak pendakwaan dan pembelaan tersebut hanyalah merupakan satu penafian semata-mata.

**[22]** Tuan TPR bersetuju bahawa hakim bicara telah khilaf apabila mengeluarkan perintah melucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia wang tunai RM23,100 yang ditemui dari dalam kereta tertuduh. Tuan TPR bersetuju bahawa wang tersebut bukanlah menjadi hal perkara dalam pertuduhan kedua dan dengan itu perintah hakim bicara melucuthakkan wang tersebut bercanggah dengan peruntukkan di bawah s. 36 Akta. Tuan TPR bersetuju supaya wang itu diserahkan kembali kepada tertuduh dalam kes ini.

**[23]** Bagi menyokong hujahan beliau, Tuan TPR terpelajar telah merujuk mahkamah ini kepada keputusan dalam kes-kes berikut:

(a) *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116;
(b) *Attan Abdul Ghani v. PP* [1970] 2 MLJ 145;
(c) *Sam Hong Choy v. PP* [2000] 1 CLJ 105;
(d) *PP v. Ku Yahya Ku Bahari & Anor* [2000] 3 CLJ 162;
(e) *Hamidon Mat Yatim v. PP* [1995] 3 CLJ 724;
(f) *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138;
(g) *PP v. Jamil Mahmod & Anor* [1998] 1 LNS 312;
(h) *Mohamed Taufik v. PP* [1974] 1 LNS 95;
(i) *PP v. Datuk Tan Cheng Swee & Anor* [1980] 1 LNS 58;
(j) *DA Duncan v. PP* (1980) 2 MLJ 195;
(k) *PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon* [1998] 4 CLJ 278;
(l) *Hee Nyuk Fook v. PP* [1988] 1 LNS 15;
(m) *Ng Yiu Kwok & Ors v. PP* [1989] 1 LNS 52;
(n) *Sim Tiew Bee v. PP* [1973] 1 LNS 138;
(o) *Mohd Ali Jaafar v. PP* [1998] 4 CLJ Supp 208; dan
(p) *PP v. Dato Harun Idris (No 2)* [1997] 1 MLJ 15.

**Pandangan Dan Keputusan Mahkamah**

*Isu (a) Penerimaan P4, P36 Dan P37*

**[24]** Pihak pendakwaan telah mengemukakan pengaduan ('P4') yang dibuat oleh pengadu, Chang Siok Fang; kenyataan oleh pengadu yang sama ('P37') dan kenyataan oleh Kuang Boon Lan ('P36') di bawah s. 46 Akta Pencegahan Rasuah 1997. Kedua-dua saksi tersebut adalah merupakan saksi-saksi utama bagi kes pihak pendakwaan. Kedua-dua saksi tersebut gagal untuk hadir memberi keterangan di mahkamah. Alasan-alasan ketidakhadiran mereka cuba diterangkan oleh saksi SP5 dan

A SP14. SP5, Rajeswaran menyatakan beliau telah cuba untuk mengesan saksi Kuang Boon Lan di dua alamat yang beliau perolehi dari sumber iaitu di alamat No. 02-13, Tingkat 2, Blok E, Taman Desa Tebrau, Ulu Tiram. Dialamat tersebut SP5 telah berjumpa dengan seorang perempuan Cina yang menyatakan tidak kenal penama Kuang Boon Lan. Keduanya, B SP5 telah pergi berjumpa dengan ibu kepada Kuang Boon Lan yang tinggal di alamat No. 244, Kampong Baru, Tampin. Di sana SP5 telah diberitahu bahawa Kuang Boon Lan tidak balik ke rumah ibunya sejak tahun 2006 lagi. Selain dari itu satu iklan telah dikeluarkan dalam akhbar Sin Chew Daily pada 18 Oktober 2007 dan China Press pada 19 C Oktober 2007 untuk mengesan Kuang Boon Lan. Hanya itu usaha yang diambil oleh SP5 untuk mengesan Kuang Boon Lan.

**[25]** Saksi Rainulsyah ('SP14') pula telah diarahkan untuk mengesan saksi Chang Siok Fang. SP14 telah mendapatkan alamat Chang Siok Fang daripada Jabatan Pendaftaran Negara iaitu di alamat No. 117, D Taman Tangkak Jaya, Tangkak. Dialamat tersebut SP14 telah berjumpa dengan ibu Chang Siok Fang yang memberitahu Chang Siok Fang telah lama tidak balik kerumah. Selain daripada itu SP14 telah cuba mengesan alamat terbaru Chang Siok Fang dengan beberapa pihak termasuklah pihak Jabatan Pengangkutan Jalan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, E Maybank, CIMB Bank, Affin Bank, Telekom, Maxis, Digi, PDRM dan LHDN tetapi masih gagal untuk mendapatkan alamat terkini Chang Siok Fang. SP14 juga ada menerima maklumat dari sumber bahawa Chang Siok Fang pernah tinggal dialamat No. 147, Jalan Seroja 37, Taman Johor Jaya tetapi gagal mengesan penama tersebut dialamat itu.

F **[26]** Kedua-dua saksi SP5 dan SP14 bersetuju bahawa dua saksi tersebut adalah amat penting dalam kes ini. Tindakan yang diambil oleh mereka bagaimanapun tidak bersungguh-sungguh terutamanya lawatan ke alamat yang mereka perolehi hanya dibuat sekali sahaja. Tidak ada tindakan diambil untuk mengesan dua penama tersebut dengan pihak G Jabatan Imigresen Malaysia untuk memastikan adakah mereka masih berada dalam negeri ataupun telah keluar negara.

**[27]** Seksyen 46 Akta memperuntukkan seperti berikut:

> 46. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang H berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini:
>
> (a) apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai Badan semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini; dan
>
> I
>
> (b) apa-apa dokumen, atau salinan apa-apa dokumen, yang disita daripada mana-mana orang oleh seseorang pegawai Badan pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini atau menurut kuasa Akta ini,

> hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini di hadapan mana-mana mahkamah, jika orang yang membuat pernyataan atau dokumen itu atau salinan dokumen itu sudah mati, atau tidak dapat dikesan atau ditemui, atau sudah menjadi tak berupaya untuk memberikan keterangan, atau yang kehadirannya tidak dapat diperolehi tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah tidak munasabah.

**[28]** Pengaduan P4 yang dibuat oleh Chang Siok Fang kepada SP3, Mohd Zairi. Pengaduan oleh Chang Siok Fang ini tidak lebih daripada merupakan satu maklumat pertama. Saksi SP3 yang menerima pengaduan tersebut sendiri tidak dapat menentukan sama ada pengaduan tersebut betul atau tidak. Pengaduan tersebut bukanlah merupakan satu pernyataan yang dibuat semasa penyiasatan dijalankan seperti kehendak di perenggan (a) kepada s. 46 Akta. Untuk pengaduan P4 tersebut boleh diterima sebagai keterangan maka pembuat dokumen itu iaitu Chang Siok Fang hendaklah dipanggil untuk mengemukakan P4 tersebut dan disoal-balas bagi menentukan kebenaran pengaduan yang beliau buat. Tiada jalan pintas untuk P4 dapat diterima sebagai keterangan selain dikemukakan melalui pembuat dokumen itu sendiri. Hakim bicara telah khilaf apabila beliau menerima P4 sebagai keterangan dan bersandar kepada P4 untuk mensabitkan perayu disini.

**[29]** Mengenai pernyataan P36 dan P37, pernyataan tersebut merupakan percakapan yang diambil daripada dua saksi utama tersebut semasa penyiasatan. Oleh itu pernyataan P36 dan P37 layak dipertimbangkan penerimaannya di bawah s. 46 Akta. Peruntukan s. 46 Akta ini sama seperti yang terdapat di bawah s. 32 Akta Keterangan 1950, merupakan peruntukkan yang penting oleh kerana ianya memberi kekecualian kepada prinsip keterangan dengar cakap (*hearsay*). Selainnya, jika s. 46 ini terpakai maka anggapan yang berlawanan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh digunakan terhadap pihak pendakwaan. Dua aspek penting mengenai pemakaian s. 46 ini iaitu aspek berkaitan dengan kebolehterimaan (*admissibility*) pernyataan tersebut dan keduanya, aspek keberatan (*weight*) keterangan pernyataan tersebut. Sebelum pernyataan tersebut boleh diterima di bawah s. 46 Akta tersebut, prasyarat bagi kebolehterimaan hendaklah dibuktikan dengan ketat terutamanya mengenai usaha-usaha yang telah diambil bagi mengesan saksi-saksi tersebut.

**[30]** Dalam kes *Sim Tiew Bee v. PP* (*supra*), Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> This finding is not supported by evidence. The condition precedent to the reception of the document should be independent evidence that it would involve such delay and expense as would seem unreasonable.

In the case of *Chainchal Singh v. Emperor* evidenced given by a witness in a judicial proceeding was to be used under section 33 of the Indian Evidence Act in a subsequent judicial proceeding on the ground that the witness was incapable of giving evidence. It was held by Lord Goddard that:

> Where it is desired to have recourse to this section on the ground that a witness is incapable of giving evidence that fact must be proved, and proved strictly. It is an elementary right of an accused person or a litigant in a civil suit that a witness who is to testify against him should give his evidence before the court trying the case which then has the opportunity of seeing the witness and observing his demeanour and can thus form a far better opinion as to his reliability than is possible from reading a statement or deposition. It is necessary that provision should be made for exceptional cases where it is impossible for the witness to be before the court, and it is only by a statutory provision that this can be achieved. But the court must be careful to see that the conditions on which the statute permits previous evidence given by the witness to be read are strictly proved. In a civil case a party can if he chooses, waive the proof, but in a criminal case strict proof ought to be given that the witness is incapable of giving evidence.

**[31]** Usaha-usaha yang diambil oleh SP5 untuk mengesan Kuang Boon Lan telah dilakukan dalam tahun 2006 iaitu pergi ke rumah ibu Kuang Boon Lan di Tampin pada 2 Julai 2006 dan pada bulan Disember 2006. SP5 pergi kealamat terakhir Kuang Boon Lan di Ulu Tiram pada 29 Jun 2006. Iklan dalam akhbar bahasa Cina dibuat sekali dalam tahun 2007. Selain dari itu tiada apa-apa usaha dilakukan untuk mengesan Kuang Boon Lan antara tahun 2008 sehingga tarikh perbicaraan kes ini yang bermula dalam tahun 2009. Tiada tindakan untuk mengesan Kuang Boon Lan melalui Jabatan Imigresen atau Pendaftaran Negara. Tiada usaha diambil mengesan saksi itu dengan pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Tiada juga cuba mengesan saksi melalui adik beradik saksi tersebut yang dikenali melalui ibu kepada saksi tersebut. Tiada juga usaha untuk menghubungi Kuang Boon Lan melalui telefon bimbit penama tersebut iaitu No. 012-7076069 seperti tertera dalam P36. Tidak diketahui adakah saksi telah meninggal dunia, dan tidak diketahui adakah beliau masih berada di Malaysia. Prasyarat kepada s. 46 Akta yang menuntut pembuktian ketat atas sebab-sebab saksi tersebut gagal untuk hadir memberi keterangan di mahkamah telah gagal dipenuhi oleh pihak pendakwaan dalam kes ini. Oleh itu pada pandangan saya, hakim bicara telah khilaf dalam menggunakan budi bicaranya untuk menerima pernyataan P36 sebagai sebahagian keterangan kes pihak pendakwaan dalam kes ini. Terdapat salah arahan oleh hakim bicara mengenai beban pembuktian yang terletak diatas bahu pendakwaan dalam menerima masuk P36. Oleh itu keputusan hakim bicara tersebut wajar diakas dalam rayuan ini.

**[32]** Usaha-usaha yang dilakukan oleh SP14 untuk mengesan saksi Chang Siok Fang kesemuanya telah dilakukan semasa perbicaraan sedang berjalan iaitu di antara 11 Jun 2009 sehingga ke tarikh 15 Julai 2009. Usaha-usaha yang dilakukan seperti disenaraikan oleh hakim bicara di ms. 24 dan 25 rekod rayuan. Usaha-usaha tersebut seperti diulas di perenggan 25 penghakiman ini. Adakah usaha-usaha tersebut mencukupi dan memenuhi kehendak prasyarat s. 46 Akta? Hakim bicara membuat keputusan bahawa usaha-usaha tersebut mencukupi. Sekiranya diteliti segala usaha yang telah dilakukan oleh SP14, sebenarnya bukan SP14 yang melakukan segala usaha tersebut tetapi segala usaha tersebut telah dilakukan oleh sumber beliau. Siapa sumber tersebut tidak diberitahu dan sumber tersebut tidak dipanggil untuk memberi keterangan untuk memuaskan hati mahkamah. Usaha-usaha berikut gagal dilakukan oleh SP14, iaitu:

(a) Gagal menyiasat dengan pihak Jabatan Imigresen untuk memastikan Chang Siok Fang masih berada di Malaysia;

(b) gagal berjumpa dengan adik Chang Siok Fang yang bernama Chang Chun Moi seperti mana tertera dalam pernyataan P37;

(c) gagal menghubungi Chang Siok Fang melalui nombor telefon bimbit 012-7650660 seperti tertera dalam P37;

(d) Chang Siok Fang pernah ditangkap oleh pihak polis namun tidak ada penyiasatan lanjut dilakukan dengan pihak polis mengenai alamat yang digunakan oleh saksi pada waktu itu;

(e) siaran akhbar hanya dibuat sekali dalam tahun 2007; dan

(f) saksi Chang Siok Fang telah dapat dikesan dimana sapina telah berjaya diserahkan dan waran tangkap telah dikeluarkan. Tiada penjelasan kenapa waran tangkap gagal dilaksanakan.

**[33]** Mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh SP14 untuk mengesan Chang Siok Fang semasa perbicaraan kes sedang berjalan, YA Hakim Zainun Ali HMT (sekarang HMR) telah membuat keputusan berikut dalam kes *PR v. A Rashid Ismail* [2001] 1 AMR 1149, kata beliau:

> Once again PW6 was trotted up to the witness box by the prosecution, only for him to inform this court that he had gone to house No 10 to inquire about Saniah on May 24, 2000, ie, in the midst of trial.
>
> PW7 (Zulkifli Haron) testified that he tried to serve a subpoena on Saniah only on May 18, 2000, ie, four days before the trial. At the risk of sounding irascible, what could the prosecution possibly be thinking in demonstrating such lackluster investigation?

A There was no explanation as to why attempts to locate Saniah could not have been done much earlier, or in a more comprehensive manner.

For instance, there was no evidence to how that there was any effort to check with relevant government agencies such as the immigration B authorities whether Saniah had fled the country, or with the Registration Department to see what was her last known address. Saniah's mother, Khadijah bt Md Said (although her statement was taken by PW6) was not called to testify since she might throw some light on the whereabouts of the elusive Saniah. More importantly, before Saniah was released, the police could have ensured her C attendance by asking her to enter a bond.

Alas, all these procedural lapses occurred only to sound the death knell for the prosecution's case.

**[34]** Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah sekarang, kesemua D usaha-usaha yang didakwa telah dilakukan oleh SP5 dan SP14 hanyalah berupa dakwaan semata-mata tanpa sebarang keterangan sokongan. Tiada diari penyiasatan mereka dikemukakan ke mahkamah untuk menunjukkan usaha-usaha tersebut telah pun mereka lakukan. Tiada rakaman percakapan daripada saksi-saksi yang mereka telah temubual. Tiada E saksi-saksi tersebut dipanggil untuk menyokong dakwaan mereka. Juga, tiada usaha yang komprehensif telah dilakukan oleh pihak BPR untuk memastikan kehadiran dua saksi penting tersebut hadir ke mahkamah seperti mengenakan bon ke atas mereka.

**[35]** Sekali lagi ingin saya ulangi di sini bahawa hakim bicara telah F tersalah arah mengenai beban pembuktian atas pihak pendakwaan sebelum menerima masuk P4, P36 dan P37 di bawah s. 46 Akta. Oleh yang demikian adalah wajar keputusan hakim bicara tersebut diketepikan dalam rayuan ini. Kesan prejudis pernyataan tersebut mengatasi nilai kemungkinannya atas alasan perayu tidak berpeluang untuk menyoal-balas G dua saksi utama tersebut dan bahawa tidak dapat dipastikan kebenaran pernyataan-pernyataan tersebut.

**[36]** Hakim bicara sendiri di ms. 26 rekod rayuan mempersoalkan mengenai kesahihan P4, P36 dan P37 apabila beliau berkata:

H 5. Namun begitu, segala kenyataan yang terkandung didalam P4, P36 dan P37 hendaklah diteliti dengan lebih mendalam memandangkan OKT tidak mempunyai sebarang peluang untuk menyoal balas saksi berkenaan. Saksi-saksi juga gagal menjelaskan beberapa persoalan yang timbul seperti pengecaman saksi kepada OKT. Walaupun P36 dan P37 diterima tetapi pengecaman saksi I tidak dapat dilakukan dan ini memprejudiskan OKT dan membuka ruang keraguan lebih-lebih lagi saksi Chang Siok Fang hanya menyebut Tuan Ijam. Apakah identiti sebenar Tuan Ijam hendaklah dikenalpasti melalui pengecaman. Oleh itu kebenaran

> fakta seperti yang dinyatakan didalam P4, P36 dan P37 boleh dipersoalkan walaupun P4, P36 dan P37 diterima sebagai keterangan. Ia merupakan dua perkara yang berbeza. A

**[37]** Walaupun hakim bicara mendapati ada keraguan mengenai identiti perayu serta prejudis kepada perayu namun hakim bicara telah memanggil perayu untuk membela diri dan mensabitkan perayu atas pertuduhan kedua. Hakim bicara turut menyebut mengenai 'dua perkara yang berbeza' tetapi beliau gagal menjelaskan apakah dua perkara yang berbeza tersebut dalam penghakimannya. B

**[38]** Walau apapun, hakim bicara telah menerima masuk P4, P36 dan P37. Persoalan seterusnya yang harus dipertimbangkan oleh hakim bicara adalah berapa beratkah pertimbangan yang wajar diberikan kepada P4, P36 dan P37 tersebut. Dalam penghakimannya, hakim bicara telah secara terang menyatakan bahawa keputusan beliau untuk mensabitkan perayu hanya bersandar seratus peratus kepada P4, P36 dan P37 tersebut serta keterangan mengikut keadaan (*circumstantial evidence*) dalam kes ini. Tetapi hakim bicara tidak menyatakan apakah keterangan mengikut keadaan tersebut yang beliau timbangkan yang menjurus kepada kebersalahan perayu dalam kes ini. Hakim bicara juga bersandar kepada transkripsi perbualan telefon antara Kuang Boon Lan dengan perayu (P24) dalam kes ini yang mana P24 tidak wajar diterima masuk atas alasan Kuang Boon Lan gagal dipanggil untuk mengesahkan suara beliau dalam perbualan tersebut. Oleh kerana tiada pengecaman suara telah dilakukan maka ianya tidak memenuhi syarat-syarat seperti termaktub dalam kes *Mohd Ali Jaafar v. PP* (*supra*). Pita rakaman tersebut semestinya dimainkan dalam mahkamah dan apabila rakaman pita itu dimainkan, suara dan ketepatan perbualan semestinya dibuktikan. Saksi Kuang Boon Lan tidak hadir untuk mengecam dan mengesahkan suaranya serta ketepatan perbualan beliau sama seperti dalam transkrip P24 tersebut di dalam kes ini. C D E F

**[39]** Dalam kes *PP v. Mohd Jamil Yahya & Anor* (*supra*) telah diputuskan oleh YA Hakim KC Vohrah (ketika itu) seperti berikut mengenai keberatan pernyataan yang dikemukakan dengan tanpa kehadiran saksi untuk disoal-balas, seperti berikut: G

> In my view the weight and degree of credit to be attached to a statement by a declaration under paragraph (i) who is patently not disinterested must be examined with greatest of caution lest false stories of a false colouring to the stories given by the declarant in the statement makes the court draw a jaundiced view of facts which cannot be verified through the cross-examination of the declarant and facts which may falsely implicate an accused. And more so where an accused faces a charge carrying a mandatory sentence of death on conviction on the charge. H I

**[40]** Pada pandangan saya, adalah tidak selamat sabitan ke atas tertuduh dalam kes ini hanya dengan bersandarkan kepada P4 yang telah secara khilaf diterima masuk oleh hakim bicara. Juga tidak selamat sabitan berdasarkan kepada keterangan dalam pernyataan P36 dan P37 yang telah diterima masuk atas salah arahan mengenai beban pembuktian atas pihak pendakwaan dan kebenaran dua pernyataan tersebut tidak diuji dalam soal-balas. Keterangan P24 yang juga menjadi asas keputusan hakim bicara dalam mensabitkan tertuduh tidak dapat dipertahankan oleh kerana keterangan P24 tidak wajar diterima masuk oleh kerana tidak memenuhi prasyarat seperti diputuskan dalam kes *Mohd Ali Jaafar*.

*Isu (b) Kewajaran Pertuduhan Kedua*

**[41]** Sebagaimana dinyatakan di awal penghakiman ini, pertuduhan kedua di mana tertuduh telah disabitkan dengannya telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan selepas sembilan orang saksi pendakwaan selesai memberi keterangan. Tuan TPR berhujah bahawa mahkamah telah menerima pertuduhan kedua tersebut di bawah s. 158 Kanun Acara Jenayah. Peruntukkan di bawah s. 158 tersebut tidaklah wajar dibaca secara berasingan. Peruntukkan tersebut hendaklah dibaca bersama dengan s. 159, 160, 161 dan 162 Kanun yang sama. Seksyen-seksyen tersebut menyebutkan perkara berkaitan dengan prejudis kepada tertuduh dan hak tertuduh untuk memanggil semula mana-mana saksi pihak pendakwaan yang telah memberi keterangan sebelumnya.

**[42]** Dalam kes ini, pertuduhan kedua telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan selepas sembilan orang saksi memberikan keterangan dan ini tentu sekali memprejudiskan tertuduh. Pembelaan tertuduh telah terjejas dengan teruk apabila pertuduhan kedua dikemukakan. Pertuduhan pertama melibatkan permintaan wang rasuah manakala pertuduhan kedua yang baru dibawa masuk melibatkan penerimaan wang rasuah. Walaupun intipati dua pertuduhan berbeza namun fakta yang diasaskan adalah sama serta saksi-saksi yang sama bagi kedua-dua pertuduhan. Bagi pertuduhan pertama, tertuduh telah dibebaskan tetapi tertuduh telah disabitkan atas pertuduhan kedua atas fakta dan keterangan yang sama.

**[43]** Mengenai isu prejudis kepada tertuduh, YA Hakim VT Singham HMT dalam kes *PP v. Azman Ismail & Another Case* (*supra*), enggan membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk menambah pertuduhan sebelum menutup kes mereka atas alasan ianya akan memprejudiskan tertuduh. Begitu juga dalam kes *PP v. James Tan* [1983] 1 LNS 24 di mana YA Hakim Charles Ho (ketika itu) menyatakan:

> I would venture further by saying that the learned President or Magistrate has a discretion not to amend the charge when to do so would be unjust or an accused person would be prejudiced by such amendment. Whether this is so would depend on the circumstances of the case.

**[44]** Seksyen 158 Kanun Tatacara Jenayah sebenarnya tidak memberikan kuasa mutlak kepada pihak pendakwaan untuk meminda atau menambah pertuduhan tanpa kebenaran daripada mahkamah. Mahkamah dalam menimbangkan permohonan tersebut hendaklah yang paling utama menimbangkan faktor prejudis kepada tertuduh (lihat *PP v. Francis Dang Nuya* [1988] 2 CLJ 130; [1988] 2 CLJ (Rep) 625).

**[45]** Di dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, hakim bicara langsung tidak menyebutkan pertimbangan beliau terhadap faktor prejudis kepada tertuduh sebelum membenarkan pertuduhan kedua dimasukkan terhadap tertuduh. Hakim bicara telah melaksanakan kuasa budi bicaranya dalam menerima masuk pertuduhan kedua tersebut namun pelaksanaan budi bicara tersebut dilihat tidak berlandas kepada lunas undang-undang yang betul. Setelah sembilan saksi memberi keterangan, prejudis tetap berlaku kepada tertuduh apabila pertuduhan kedua diterima masuk. Untuk mengelakkan prejudis tersebut, hakim bicara sewajarnya menggunakan s. 162 Kanun yang sama untuk memberikan peluang kepada tertuduh untuk memanggil semula mana-mana saksi pendakwaan serta dengan mengingatkan dirinya mengenai prejudis yang akan berlaku ke atas tertuduh. Ini telah gagal dilakukan oleh hakim bicara dalam kes ini.

**[46]** Dalam kes *Chiew Poh Kiong v. PP* [2001] 7 CLJ 249, YA Hakim Ian Chin HMT telah memberikan pandangan mengenai isu yang sama seperti berikut:

> That provision envisages that there should be a trial when the accused pleads not guilty to an amended charge. In this case the accused pleaded not guilty but the lower court nevertheless proceeded to convict him. I can find no provision in the law where the court can find an accused guilty of an offence after he has pleaded not guilty to an amended charge … There is now a new amended charge which the accused had pleaded not guilty and following which the prosecution and the accused may recall witnesses for examination under s. 162 of the CPC. The lower court should have asked both the prosecution and the defence as to whether any witnesses need to be further examined and thereafter called for the defence ... The conviction and sentence cannot stand and is therefore set aside.

**[47]** Dalam kes *Hj Maamor Hj Abdul Manap v. PP* [2003] 1 CLJ 370, YA Hakim Augustine Paul HMT (ketika itu) telah memutuskan bahawa kehendak di bawah s. 162 Kanun Tatacara Jenayah hendaklah dipatuhi secara mandatori. Di ms. 380 kes tersebut, YA Hakim menyatakan:

> When the section applies it is mandatory to allow witnesses to be recalled even if the alteration has not prejudiced the accused. In this regard I refer to *Nagendra Nath Sen v. Emperor* AIR (1932) Cal 486 where Pearson and Mc Ghose JJ said at p. 487:
>
> > It may be that the alteration did not in fact prejudice the accused in any way, but it is to be observed that s. 231 Criminal PC does not leave any discretion to the trying Magistrate.

A

> The section is mandatory. It states that in a case of an alteration after the commencement of the trial the accused shall be allowed to recall or resummon and examine any witness who may have been examined.

Similarly Allanson and Sen JJ said in *Chhanka Dhanuk & Others v.*
B *Emperor* AIR [1927] Pat 398 at p. 400:

> But once a charge has been altered or added to, the provisions of s. 231 apply. The learned Sessions Judge was bound to recall any witnesses which the prosecution or the accused desired to examine, with reference to the alteration or addition. I agree
C that it is difficult to see what further questions could have been asked, but the provisions of the section are peremptory.

> It follows that the right is exercisable even though the purpose of recalling a witness is not material. The section also applies even if the alteration is not material particularly where the accused has been asked
D to lead to the amended charge (see *Surajmal Sharma & Others v. The State* AIR (1950) Cal 471). The court has no discretion to refuse an application to recall a witness. The court must therefore give the accused an opportunity to exercise this right (see *Mohan Lal v. King-Emperor* AIR (1924) All 665).

E **[48]** Mahkamah dalam keadaan seperti ini hendaklah memberikan peluang untuk tertuduh melaksanakan haknya untuk memanggil mana-mana saksi pihak pendakwaan yang telah pun memberi keterangan sebelum itu. Peluang ini hanya diberikan kepada tertuduh sekiranya hakim bicara memperingatkan hak tertuduh tersebut untuk menyoal
F semula saksi-saksi pihak pendakwaan setelah hakim bicara itu membenarkan pertuduhan kedua tersebut dimasukkan terhadap tertuduh dalam kes ini. Setelah menyemak rekod rayuan, hak ini tidak pernah diberikan oleh hakim bicara kepada tertuduh dalam kes ini. Bukan sahaja kemasukan pertuduhan kedua tersebut telah memprejudiskan tertuduh malahan tertuduh telah dinafikan pula haknya untuk menyoal semula
G saksi-saksi pihak pendakwaan seramai sembilan orang yang telah pun selesai memberi keterangan sebelum itu. Dalam kes *S Govindasamy v. PP* [1948] 1 LNS 60 Willan CJ telah memutuskan bahawa ketidakpatuhan kepada kehendak mandatori (seperti s. 162 Kanun Tatacara Jenayah) bukanlah merupakan satu ketidakpatuhan yang boleh
H ditampung (*not curable*) di bawah s. 422 Kanun yang sama.

**[49]** Juga mengenai pertuduhan kedua, hakim bicara telah mensabitkan tertuduh berdasarkan kepada fakta dan keterangan yang sama dimana pertuduhan pertama telah didasarkan. Bagaimanapun, hakim bicara telah
I membebaskan tertuduh atas pertuduhan pertama tersebut. Fakta dan keterangan berkaitan kedua-dua pertuduhan saling kait mengait antara satu sama lain. Hakim bicara telah menolak keterangan P4, P36 dan P37 berkaitan pertuduhan pertama iaitu bagi kesalahan meminta wang rasuah

(soliciting) tetapi telah menggunakan P4, P36 dan P37 untuk mensabitkan tertuduh bagi kesalahan menerima wang rasuah dalam pertuduhan kedua. Oleh itu keputusan hakim bicara dalam mensabitkan tertuduh atas pertuduhan kedua adalah tidak selaras.

**[50]** Dalam kes *Khoo Cheng Huat v. PP* (*supra*), fakta kes yang serupa dengan kes dihadapan mahkamah sekarang di mana seorang Inspektor Padi dan Beras Negara telah dihadapkan dengan dua pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1961 iaitu meminta dan menerima rasuah. Perayu dalam kes tersebut telah dibebaskan atas pertuduhan pertama bagi meminta rasuah dan telah disabitkan atas pertuduhan kedua bagi kesalahan menerima wang rasuah. YA Hakim Edgar Joseph Jr HMT (ketika itu) telah membenarkan rayuan perayu dalam kes itu terhadap sabitan bagi pertuduhan kedua terhadap perayu tersebut. YA Hakim tersebut di ms. 45 memutuskan:

> It was therefore most material for the learned president to have recognised - but clearly she did not - that the appellant having been acquitted on the charge of soliciting, he was entitled to be taken as innocent on that charge. The learned president should then have gone on to warn herself - but clearly again she did not - that as no reliance could be placed on those parts of the evidence of the complainant and his wife which related to the charge of soliciting, of which he had to be taken as an innocent person, she had to consider to what extent she could rely upon those parts of the evidence of these witnesses in so far as it related to the charge of accepting.

*Isu (c) Mengenai Kegagalan Menghargai Kes Pembelaan*

**[51]** Pembelaan tertuduh adalah bahawa beliau menerima panggilan telefon daripada Kuang Boon Lan untuk bertemu dan untuk membayar hutangnya kepada beliau. Tertuduh bersetuju untuk berjumpa di Skudai Parade. Di sana Kuang Boon Lan telah menyerahkan sejumlah wang kepada beliau. Walaupun ditolak, Kuang Boon Lan telah menyerahkan wang itu kepada tertuduh sambil menyatakan untuk membayar hutang lama. Tertuduh tidak mempunyai pengetahuan bahawa itu wang rasuah. Tuan TPR berhujah bahawa isu bayar hutang tidak pernah diletakkan kepada saksi pihak pendakwaan. Hujahan ini tidak berasas oleh kerana saksi-saksi pihak pendakwaan sendiri mengakui mereka tidak mendengar perbualan diantara tertuduh dengan Kuang Boon Lan semasa wang diserahkan. Waktu serahan wang berlaku cuaca agak gelap dan dalam keadaan suasana yang agak bising. Oleh itu jika Kuang Boon Lan ada menyatakan kepada tertuduh bahawa wang itu untuk membayar hutang, tidak ada orang lain yang tahu selain tertuduh dan Kuang Boon Lan sendiri. Kuang Boon Lan tidak hadir di mahkamah untuk disoal-balas mengenai isu bayar hutang tersebut.

**[52]** Pembelaan perayu tidak disangkal oleh keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Pembelaan tertuduh adalah munasabah dan boleh dipercayai. Pada pandangan saya, sekiranya pun pembelaan tertuduh tidak boleh dipercayai namun pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan dan tertuduh berhak untuk mendapatkan pembebasan atas tuduhan kedua tersebut. Selain itu, tertuduh juga telah berjaya mematahkan anggapan di bawah s. 42 Akta atas imbangan kebarangkalian.

*Isu (d) Motif Chang Siok Fang*

**[53]** Isu ini tidak pernah dibangkitkan oleh pihak pembelaan namun motif Chang Siok Fang untuk menganiaya tertuduh amat jelas jika dilihat kepada urutan peristiwa yang berlaku. Pada 15 Mac 2005 Chang Siok Fang telah menghubungi tertuduh melalui telefon dan mendakwa tertuduh yang beliau kenali sebagai Tuan Ijam telah meminta wang RM15,000 untuk membebaskan teman lelakinya yang bernama Lai Chee Seng yang ditangkap atas kesalahan mengedar dadah. Pada 16 Mac 2005 Lai Chee Seng telah dituduh di mahkamah atas kesalahan mengedar dadah. Kemudiannya pada 1 April 2005 Chang Siok Fang menghubungi semula Tuan Ijam untuk sekali lagi meminta tolong bagi membebaskan Lai Chee Seng walaupun Chang Siok Fang sedia maklum bahawa teman lelakinya telahpun dituduh di mahkamah pada 16 Mac 2005. Pada 1 April 2005 tersebut dikatakan Tuan Ijam sedia menolong dengan bayaran RM5,000 yang kemudiannya diturunkan kepada RM2,500. Pada keesokkan harinya iaitu pada 2 April 2005, Chang Siok Fang telah membuat aduan di Pejabat BPR tentang permintaan wang rasuah oleh Tuan Ijam dan pada hari yang sama tertuduh telah diperangkap dengan menggunakan Kuang Boon Lan. Kedua-dua saksi Chang Siok Fang dan Kuang Boon Lan akhirnya enggan hadir untuk memberi keterangan di mahkamah terhadap segala dakwaan yang mereka lemparkan terhadap tertuduh dalam kes ini.

*Isu (e) Wang RM23,100 Dilucuthakkan*

**[54]** Hakim bicara telah memerintahkan wang tunai RM23,100 yang ditemui dalam kereta tertuduh dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia selaras dengan s. 36 Akta. Seperti dinyatakan di awal penghakiman ini, Tuan TPR bersetuju perintah hakim bicara tersebut wajar diketepikan kerana tidak selaras dengan s. 36 Akta. Wang tunai tersebut bukanlah wang perangkap dan bukan juga hal perkara (*subject matter*) bagi pertuduhan kedua terhadap tertuduh.

**[55]** Seksyen 36 Akta memperuntukkan seperti berikut:

> 36.(1) In any prosecution for an offence under this Act, the court shall make an order for the forfeiture of any property which is proved to be the subject-matter of the offence or to have been used in the commission of the offence where:
>
> (a) the offence is proved against the accused; or
>
> (b) the offence is not proved against the accused but the court is satisfied:
>
> (i) that he is not the true and lawful owner of such property; and
>
> (ii) that no other person is entitled to the property as a purchaser in good faith for valuable consideration.

**[56]** Adalah jelas bahawa perintah pelucuthakkan wang RM23,100 oleh hakim bicara dalam kes ini tidak selaras dengan peruntukkan di bawah s. 36 Akta atas alasan wang itu bukan hal perkara dan tiada kaitan dengan pertuduhan kedua. Perintah itu wajar diketepikan pada peringkat ini.

## Konklusi

**[57]** Atas alasan-alasan yang disebutkan di atas, saya membenarkan rayuan perayu/tertuduh di sini. Saya memerintahkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas perayu/tertuduh diketepikan. Sekiranya denda RM12,500 telah dibayar, denda tersebut hendaklah dikembalikan kepada perayu/tertuduh. Akhirnya, saya membatalkan perintah perlucuthakkan wang tunai RM23,100 yang dibuat oleh hakim bicara dan wang tersebut hendaklah dikembalikan kepada perayu/tertuduh.